

**TALKING POINTS**  
**YAB. DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN HAJI MOHD RUSTAM**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**SIDANG AGUNG TAHUNAN**  
**PERSEKUTUAN SILAT KEBANGSAAN MALAYSIA**  
**KALI KE 11, 2009**  
**PADA HARI SELASA, 29 DISEMBER 2009, JAM 5 PETANG**  
**BERTEMPAT DI HOTEL LISBON, JALAN D' ALBUQUERQUE,**  
**PORTUGUESE SETTLEMENT,**  
**UJONG PASIR, 75050 MELAKA.**

( 2 )

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**

**SAUDARA PENGACARA MAJLIS,**

**YB.DATUK HAJI YAAKUB BIN MD.AMIN,  
PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI PELAJARAN, SAINS &  
TEKNOLOGI DAN SUMBER MANUSIA,  
MERANGKAP:  
PRESIDEN PESAKA NEGERI MELAKA;**

**YB. DATO' MD. SOHAIMI BIN MOHD SHAH,  
NAIB PRESIDEN I,  
PERSEKUTUAN SILAT KEBANGSAAN MALAYSIA (PESAKA);**

**YM. DATO' HAJI OMARDIN BIN MAUJU,  
PENGERUSI DEWAN PERGURUAN,  
PERSEKUTUAN SILAT KEBANGSAAN MALAYSIA (PESAKA);**

( 3 )

**AHLI – AHLI DEWAN PERGURUAN,**

**AHLI JAWATANKUASA PESAKA MALAYSIA,**

**SIDANG PERWAKILAN DAN PEMERHATI,**

**TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI  
SEKALIAN,**

**1. PERTAMANYA BERSYUKUR KITA KEHADRAT ALLAH  
SWT. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA KITA DAPAT  
BERKUMPUL DI NEGERI MELAKA INI BAGI MENJALANKAN  
TANGGUNGJAWAP KITA SEBAGAI PERWAKILAN DIDALAM  
SIDANG AGUNG TAHUNAN PERSEKUTUAN SILAT  
KEBANGSAAN MALAYSIA KALI KE 11, 2009.**

( 4 )

**2. SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA SEMUA PERWAKILAN YANG HADIR DARI SELURUH PELUSUK NEGERI KE NEGERI MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH INI, NEGERI YANG KAYA DENGAN WARISAN DAN ADAT ISTIADAT MELAYU. MELAKA JUGA SINONIM DENGAN ILMU – ILMU PERSILATAN DAN HARI INI IBARAT SIREH PULANG KE GAGANG, TUAN – PUAN BERKUMPUL DI NEGERI MELAKA.**

**TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN,**

**3. SIDANG AGUNG TAHUNAN PERSEKUTUAN SILAT KEBANGSAAN MALAYSIA PADA KALI INI AMAT PENTING BAGI MEMILIH BARISAN KEPIMPINAN YANG BARU UNTUK**

( 5 )

**MENERAJUI PENTADBIRAN PESAKA UNTUK TEMPOH 2 TAHUN AKAN DATANG. SIDANG AGUNG YANG MASUK EDISI KE 11 INI MENAMPAKKAN KEMATANGAN DARI SEGI CORAK KEPIMPINAN, PENTADBIRAN DAN PELBAGAI ASPEK LAIN BAGI MENGUKUH SERTA MELANCARKAN PERJALANAN PENTADBIRAN PERTUBUHAN BESAR YANG MEMPUNYAI KEAHLIAN HAMPIR MENCECAH 4 JUTA AHLI DI MALAYSIA.**

**4. SILAT BUKAN SAHAJA MENGAJAR AHLI-AHLINYA BAGAIMANA UNTUK MENPERTAHANKAN DIRI TETAPI YANG LEBIH UTAMA ADALAH UNTUK MEMBINA SATU MASYARAKAT YANG MEMPUNYAI KATAHANAN DALAMAN, JATI DIRI, DISIPLIN, PEMBENTUKAN SAHSIAH YANG TINGGI DAN**

( 6 )

**MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG MEMPUNYAI KESETIAAN DAN KECINTAAN YANG TINGGI KEPADA TANAH AIR. SESUNGGUHNYA PERKARA-PERKARA YANG DISEBUT ITU ADALAH ELEMEN YANG PENTING DI DALAM MENJAYAKAN HASRAT KERAJAAN BAGI MEWUJUDKAN GAGASAN SATU MALAYSIA.**

**5. PESAKA TELAH MEMAINKAN PERANAN YANG BESAR DI DALAM MEMBANTU KERAJAAN MENYELAMATKAN PARA BELIA DAN BELIAWANIS NEGARA DARIPADA TERHUMBAN KE GEJALA-GEJALA YANG KURANG SIHAT DENGAN MELATIH KEPERIBADIAN YANG BAIK, MULIA, MEMPUNYAI KEYAKINAN**

( 7 )

**DIRI, BERDISPLIN DAN TAAT SERTA PATUH KEPADA PEMIMPIN NEGARA MELALUI LATIHAN SILAT.**

**6. MELALUI INI JUGA, PESAKA SEDANG DAN BERHASRAT MEMPERLUASKAN BUDAYA SILAT KE DALAM PELBAGAI SALURAN SEPERTI UNTUK KAKITANGAN AWAM DAN SWASTA, IPTA DAN IPTS YANG DIYAKINI MAMPU UNTUK MENJADIKAN PARA REMAJA INI LEBIH BERPERIBADI DAN MEMPUNYAI NILAI-NILAI MURNI YANG DIHARAPKAN.**

**SIDANG PERWAKILAN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

( 8 )

7. PESAKA TELAH BERJAYA MENJADIKAN SILAT SEBAGAI JAMBATAN BUDAYA YANG MENGENALKAN BAHASA DAN BUDAYA ORANG MELAYU KEPADA DUNIA LUAR TERUTAMANYA ORANG DARI BENUA EROPAH YANG SEBELUM INI PERNAH MENJAJAH NEGARA KITA. IANYA DIBUKTIKAN DENGAN KEJAYAAN YANG MANA PADA HARI INI PESAKA DAN FEDERASI SILAT ANTARABANGSA PERSILAT TELAH MENGEMBANGKAN SILAT KEPADA HAMPIR 35 BUAH NEGARA TERMASUK BENUA EROPAH, ASIA TENGAH, ASIA TIMUR DAN AFRIKA. IANYA TERUS DILAKSANAKAN SUPAYA SATU DARIPADA BUDAYA YANG BEGITU LAMA INI AKAN DAPAT DIKEKALKAN DAN DITERIMA OLEH SEMUA LAPISAN MASYARAKAT.

( 9 )

8. HARI INI KITA AMAT BERASA BANGGA, DENGAN PENCAPAIAN TERBARU ANAK BUAH KITA YANG TELAH MENHARUMKAN NAMA NEGARA DENGAN BERJAYA MERANGKUL 4 PINGAT EMAS DIDALAM KEJUARAAN SUKAN SEA BARU – BARU INI. KEJAYAAN INI MERUPAKAN KEJAYAAN KITA BERSAMA, SEMANGAT YANG DIBAWA OLEH ATHLET – ATHLET KITA ADALAH MERUPAKAN SEMANGAT YANG TELAH KITA TIUPKAN KEPADA MEREKA SEHINGGA MEREKA BERJAYA PULANG DENGAN KEJAYAAN YANG CUKUP BESAR.

9. TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA BARISAN KEPIMPINAN PESAKA, PENGURUS PASUKAN, JURULATIH –

( 10 )

**JURULATIH DAN SETERUSNYA PARA ATLET NEGARA. TERUSKAN USAHA, KEKALKAN PRESTASI SERTA PERHEBATKAN LAGI USAHA BAGI KITA NAK MENEMPUH CABARAN – CABARAN YANG AKAN DATANG.**

**10. SAYA BERHARAP DENGAN PEMILIHAN YANG AKAN DIADAKAN INI, AKAN MEMANTAPKAN LAGI PESAKA AGAR TERUS DAPAT MENGEMBANGKAN SILAT INI SERTA MENGHARUMKAN LAGI NAMA NEGARA YANG KITA CINTAI INI. MAKA, DIHARAP DENGAN TERLANTIKNYA KEPIMPINAN YANG BARU INI MAKA PENCAPAIAN DEMI PENCAPAIAN YANG LEBIH MEMBANGGAKAN TURUT DICAPAI. IANYA JUGA SEBAGAI BUKTI BAHAWA PENYATUAN MASYARAKAT MAJMUK DI**

( 11 )

**MALAYSIA MERUPAKAN PERPADUAN YANG UTUH DAN KUKUH DI BAWAH TERAJU KEPIMPINAN NEGARA SELAIN IANYA MEMBENTUK MASYARAKAT YANG BERDISIPLIN, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERBUDAYA BAIK.**

**11. SEKALI LAGI, SAYA MERAKAM UCAPAN TERIMA KASIH KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA KE SIDANG AGUNG TAHUNAN PERSEKUTUAN SILAT KEBANGSAAN MALAYSIA KALI KE 11, 2009. SAYA DOAKAN SEMOGA PERSIDANGAN INI AKAN DIBERKATI DAN MENDAPAT RAHMAT DARINYA.**

( 12 )

**12. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM SAYA  
MERASMIKAN PERSIDANGAN AGUNG SILAT PUSAKA  
MALAYSIA.**

**WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**